

# DEMONSTRASI KEUPAYAAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3157-demonstrasi-keupayaan-angkatan-tentera-malaysia](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3157-demonstrasi-keupayaan-angkatan-tentera-malaysia)

KOTA BELUD, 11 Mac 18 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussin, Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM selaku pengerusi teras kesiagaan telah hadir menyaksikan Demonstrasi Keupayaan Angkatan Tentera Malaysia bertempat di Lapangan Udara (Airstrip) Kota Belud, Sabah.

Demonstrasi ini membabitkan penglibatan aset-aset dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM yang melakukan demonstrasi berasaskan senario serangan ke atas pihak musuh oleh pasukan ATM.

Antara aset-aset TUDM yang telah menjayakan demonstrasi ini adalah pesawat F/A-18D, Sukhoi, Hawk, EC725 dan C130H. Turut terlibat di dalam menjayakan acara ini adalah Pasukan Khas TUDM yang mempamerkan aksi penerjunan bersama-sama penerjun dari Pasukan Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Demonstrasi ini telah dilaksanakan bagi mempamerkan peranan dan keupayaan ATM khususnya di dalam melaksanakan operasi serangan semasa berlaku ancaman dari pihak musuh khusus buat warga Negeri Sabah di Daerah Kota Belud dan kawasan sekitar.

Turut hadir menyaksikan demonstrasi ini adalah Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkiple bin Hj Kassim, Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan ATM dan TUDM yang lain.





